

## CARA PENGGUNAAN:

- 5 sudu besar = Minggu pertama
- 8 sudu besar = Minggu kedua
- 12 sudu besar = Minggu ketiga
- 15 sudu besar = Minggu keempat dan seterusnya

## JANGKA HAYAT

- Selama 6-8 bulan bergantung pada penyimpanan
- Sentiasa memeriksa perubahan ph (3.5 – 4)
- Jangan biarkan terdedah kepada cahaya terus




Kolaborasi Bersama :



Sebarang pertanyaan boleh hubungi atau layari:  
[www.mdkp.gov.my](http://www.mdkp.gov.my)  
<http://www.facebook.com/mdkualapilah>

**NBOS**  
STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN



# BAJA KOMPOS MDKP

“KE ARAH PERSEKITARAN YANG LESTARI DAN MANPAN”

## PENGENALAN

Baja Kompos secara mudahnya ditafsirkan sebagai penggalak bagi tumbuhan agar hasil yang dikeluarkan menjadi lebih banyak dan langkah baru yang lebih selamat, sihat dan mesra alam sekitar (*environment friendly*)

Ini kerana ia mengandungi 100% sumber semulajadi daripada bahan sisa organik/kebun seperti daun – daun kering dan ranting kayu. Kesemua bahan ini dikumpulkan dan perlu melalui beberapa proses, jangkamasa tertentu sebelum sedia untuk digunakan.

## OBJEKTIF

- Untuk memelihara kesuburan tanah dan nutrisi pokok tanaman
- Untuk merangsangkan dan menggalakkan pertumbuhan bakteria baik dan juga elemen tanah berguna.
- Memulihkan pH tanah dan meningkatkan penyerapan nutrien

## KONSEP *THINK GREEN*

Selain itu, MDKP juga menggunakan beg plastik terpakai untuk membungkus baja serta mengamalkan 3R iaitu *Reduce*, *Reuse* dan *Recycle*. Ini selaras dengan *tagline* MDKP iaitu “**ke arah persekitaran lestari & mampan**”

## CARA PENYEDIAAN

### 1. PENGUMPULAN SISA TERBUANG

Mengumpul sisa-sisa buangan yang terdiri dari daun-daun kering dan ranting-ranting kecil.

### 2. MENGISAR BAHAN UNTUK MENJADI LEBIH HALUS

Bahan-bahan buangan yang telah dikumpul dan dikeringkan selama 7-10 hari akan dikisar dengan menggunakan mesin pengisar (shredder machine) agar ia lebih ringan dan sesuai untuk digunakan sebagai baja.

### 3. PENGASINGAN BENDA ASING

Bahan yang telah dikisar menggunakan mesin tadi akan dilakukan proses pengasingan menggunakan penapis, cara penapisan ini dilakukan adalah sama dengan cara proses menapis pasir untuk digunakan dalam binaan bangunan. Tujuan proses ini dijalankan adalah untuk mengasingkan benda asing yang masih terdapat didalam bahan kompos yang telah dihancurkan tadi. Kebiasaannya benda asing yang terdapat dalam bahan yang telah dihancurkan sebentar tadi adalah seperti tali mesin rumput, botol plastik, dan sisa bungkus plastik.

### 4. PROSES PEMERAPAN

Setelah bahan kompos tadi ditapis, ia akan menghasilkan 'pure compost' dan ia tidak disarankan untuk digunapakai kerana jika berlebihan, ia bersifat panas dan akan merosakkan tanaman. Bahan kompos asli ini perlu dicampur dengan bahan organik lain yang menjadi pemangkin dan penggalak kepada pertumbuhan tanaman iaitu : Effective Microorganism

Topsoil  
Tahi Ayam  
Cocopeat

Setelah dicampurkan dan digaul dengan sebatii, bahan kompos ini akan diperap selama 6 bulan agar ia betul-betul 'masak' untuk digunakan.

### 5. PROSES PEMBUNGKUSAN

Setelah diperap selama sekurang-kurangnya 6 bulan, Baja kompos telah sedia untuk digunakan dan boleh dibungkus untuk disimpan.

## CARA PENYEDIAAN

### 6. PENGHASILAN E.M (Effective Microorganism)

EM adalah selaku penggalak dan pemangkin utama dalam penghasilan organisma-organisma baik yang akan membantu pertumbuhan tanaman apabila baja kompos ini digunakan kelak. Penghasilan EM juga adalah 100% dihasilkan dengan menggunakan sisa terbuang yang berasaskan organik, tiada kimia!. EM dihasilkan dengan menggunakan air dari sisa-sisa makanan yang diambil dari cafeteria dan juga sisa-sisa sayuran yang boleh didapati dari pasar awam. Kesemua bahan buangan ini akan diletakkan didalam tong yang ditutup rapi agar lalat tidak dapat masuk dan juga mempunyai sistem penapis yang dapat mengasingkan bahan berbentuk pepejal dan dibiarkan terurai selama 3-5 bulan. Apabila bahan buangan ini terurai, ia akan menghasilkan cecair EM yang berbau sedikit masam, ada juga cecair EM yang berbau 'manis'. Cecair berwarna perang yang terhasil dari proses ini dipanggil EM dan ia yang akan dicampurkan bersama bahan kompos asli untuk diperam dan dijadikan baja kompos yang sempurna.



Harga promosi : RM 10 / 1 kg